

D452

U B282 AAB
MAHATHIR - DEB

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN BERTOLAK ANSUR DALAM MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) YANG AKAN DITERUSKAN SEHINGGA MATLAMATNYA TERCAPAI.

+ DASAR INI SUDAH PUN MENCERMINKAN KESANGGUPAN UMNO DAN ORANG MELAYU BERTOLAK ANSUR DAN MENGUTAMAKAN BUKAN BUMIPUTERA, + KATANYA PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-37 DI DEWAN MERDEKA, KOMPLEKS UMNO DI SINI.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PENENTANG DEB JANGAN MENGANGGAP UMNO DAN ORANG MELAYU LEMAH APABILA DEB DICABAR.

+ ORANG-ORANG MELAYU TIDAK BERJUANG UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN BERSAMA SUPAYA ORANG-ORANG MELAYU MENJADI GOLONGAN YANG MISKIN DALAM NEGARA SENDIRI, + KATANYA.

+ KITA TIDAK BERNIAT MERAMPAS HAK SESIAPA. TETAPI JANGAN SESIAPA CUBA MERAMPAS HAK KITA, + TEGASNYA. -- LAGI
0954MST 18 09 86

D459

U B285 AAB
MAHATHIR - DEB 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI NEGARA-NEGARA LAIN, KAUM YANG MEMILIKI KUASA POLITIK DAN KUASA EKONOMI TIDAK PERNAH MEMBERI LAYANAN KEPADA KAUM YANG KETINGGALAN DAN TIDAK MAMPU.

DI MALAYSIA WALAUPUN BUMIPUTERA MEMILIKI KUASA POLITIK SAHAJA DAN TIDAK KUASA EKONOMI, MEREKA MASIH JUGA MELAYAN KEPENTINGAN ORANG-ORANG LAIN, KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA, SELAMA INI UMNO DAN ORANG-ORANG MELAYU BERDIAM APABILA KATA-KATA KESAT DIGUNAKAN DALAM AKHBAR, APABILA BEBERAPA CHAUVINIS BERCAKAP SEOLAH-OLAH ORANG MELAYU TIDAK BERHAK DI NEGARA SENDIRI, SEOLAH-OLAH MALAYSIA BUKAN ASALNYA NEGERI MELAYU SEBALIKNYA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA NEGARA ASING.

BEGITU JUGA ORANG MELAYU BERDIAM APABILA BUKAN MELAYU BERKATA MEREKA TIDAK SUKA KEPADA PERKATAAN BUMIPUTERA, TIDAK MAHU MENDENGAR DEB DISEBUT, TIDAK MAHU APA-APA RANCANGANA BAGI MENENTUKAN NASIB BUMIPUTERA DAN MELAYU SELEPAS DEB.

KATANYA, SEBENARNYA MEREKA (BUKAN MELAYU) TAHU BAHAWA MATLAMAT DEB TIDAK AKAN TERCAPAI APABILA GENAP MASA YANG DITENTUKAN. -- LAGI
1045MST 18 09 86

U B286 AAB
MAHATHIR - DEB 3 KUALA LUMPUR

+ MEREKA JUGA TAHU SEBENARNYA PENCAPAIAN BUKAN MELAYU TELAH MELEBIHI 40 PERATUS WALAUPUN SEBELUM TAMAT TEMPOH DEB. +

PERDANA MENTERI MENYATAKAN MENGIKUT ANDAIAN YANG TELAH DIBUAT, PADA TAHUN 1990 SEBAHAGIAN DARIPADA KUOTA BUMIPUTERA DAN KUOTA ORANG-ORANG LUAR AKAN JATUH KE TANGAN ORANG-ORANG BUKAN BUMIPUTERA.

+ TETAPI AWAL-AWAL LAGI MEREKA MENGUGUT BAHAWA KETEGANGAN AKAN BERLAKU JIKA ADA USAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DEB SETELAH GENAP TEMPOHNYA PADA TAHUN 1990. +

KATANYA, UMNO DAN ORANG MELAYU TIDAK MAHU MENEKAN ATAU MEMBAHASKAN PERKARA INI DAHULU KERANA KITA TIDAK MAHU MEMBERI GAMBARAN BAHAWA KAUM-KAUM DI MALAYSIA TIDAK SEPAKAT.

INI KERANA UMNO DAN ORANG MELAYU TIDAK SUKA TERSERET DALAM PERBAHASAN TERBUKA OLEH SEBAB TINDAKAN ITU AKAN MENCETUSKAN KETEGANGAN DAN MENAKUTKAN PARA PELABUR TEMPATAN DAN LUAR NEGERI. -- LAGI

1048MST 18 09 86

D464

U B287 AAB
MAHATHIR - DEB 4 KUALA LUMPUR

+ KITA TIDAK MAHU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA TERJEJAS KERANA PERTENKARAN ANTARA KITA, ANTARA KAUM-KAUM DI MALAYSIA.
+ DI MANA-MANA JUGA KITA PERGI, KITA SEBUTKAN TENTANG KESTABILAN DAN KEAMANAN DI MALAYSIA SEBAGAI SATU ASET UNTUK MENARIK PARA PELANCONG DAN PELABUR,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, MALANG SEKALI SIKAP ITU DITAFSIR SEBAGAI PENDIRIAN ORANG YANG SALAH, ORANG YANG LEMAH MENGAKIBATKAN BERLAKU +UGUTAN SECARA TERBUKA+.

BELIAU BERKATA MEREKA SENGAJA MENGANCAM HARMONI DAN KESTABILAN NEGARA UNTUK MEMAKSA SUPAYA DEB TIDAK DILAKSANAKAN DAN TIDAK DICUBA SUPAYA TERCAPAI MATLAMATNYA.

+ MEREKA SENGAJA MEMBUAT INTERPRETASI YANG TIDAK BETUL KEPADA ORANG LUAR DAN PELABUR ASING UNTUK MENJEJASKAN PERTUMBUHAN EKONOMI,+ KATANYA. -- LAGI

1112MST 18 09 86

D466

U B289 AAB
MAHATHIR - DEB 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ORANG MELAYU INGINKAN HARMONI, KESTABILAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI TETAPI BUKAN SEHINGGA MENGGADAIKAN MARUAHNYA.

+ KITA TIDAK AKAN MEMPERDAGANGKAN KEHORMATAN KITA SEHINGGA ANAK CUCU KITA TIDAK DAPAT MEMANGGUNG KEPALA.

+ KITA TIDAK AKAN MENYONDOL-NYONDOL HANYA KERANA TERPIKAT DENGAN KEKAYAAN KEBENDAAN.+

TEGASNYA SUDAH BANYAK PENGORBANAN YANG TELAH DIBUAT OLEH UMNO DAN ORANG MELAYU, TERMASUK MENERIMA HAKIKAT YANG MEREKA SUDAH MENJADI SALAH SATU KAUM DALAM NEGARA MAJMUK.

+ NAMPAKNYA BANGSA MELAYU SUDAH HILANG ... YANG TINGGAL HANYA KAUM MELAYU BANGSA MALAYSIA.+

KATANYA, ORANG MELAYU SANGGUP MEMBENDUNG KE-MELAYUANNYA DALAM POLITIK SERTA BERLAWAN HABIS-HABISAN DENGAN EKSTREMIS MELAYU SENDIRI SEMATA-MATA UNTUK BERSAHABAT DENGAN KAUM-KAUM LAIN. -- LAGI

1119MST 18 09 86

D468

U B291 AAB
MAHATHIR - DEB 6 KUALA LUMPUR

DALAM PILIHAN RAYA PUN, ORANG MELAYU SANGGUP BERTANDING SESAMA SENDIRI WALAUPUN DI KAWASAN-KAWASAN YANG ORANG MELAYU MEMPUYAI MAJORITI YANG MUTLAK.

BUKAN ITU SAHAJA, ORANG MELAYU JUGA MENERIMA CALON-CALON BUKAN MELAYU BERTANDING DI KAWASAN YANG MAJORITI PENDUDUKNYA ORANG MELAYU SEMATA-MATA UNTUK MENENTUKAN KEMENANGAN CALON BN.

BELIAU MENJELASKAN INI SEMUA DILAKUKAN KERANA ORANG MELAYU PERCAYA KEPADA KERJASAMA ANTARA KAUM DAN PEMBAHAGIAN KUASA ANTARA KAUM.

+ KITA MASIH BERSEEDIA UNTUK MENGHULUR TANGAN PERSAHABATAN KEPADA KAUM-KAUM LAIN. TETAPI JANGAN AMBIL MUDAH KERANA KESABARAN KITA BUKAN TIDAK TERHAD.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PIHAK-PIHAK TERTENTU TELAH MENYALAHKAN PELAKSANAAN DEB KERANA BEBERAPA ASPEK KEPUTUSAN PILIHAN RAYA SEOLAH-OLAH MEMBERI GAMBARAN KONONNYA DEB BAIK TETAPI PELAKSANAANNYA TIDAK BETUL DAN KONONNYA DEB JUGA HANYA BERJAYA MEWUJUDKAN BEBERAPA JUTAWAN MELAYU. -- LAGI

1124MST 18 09 86

D469

U B292 AAB
MAHATHIR - DEB 7 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENAFIKAN DAKWAAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEB MELIPUTI SEGALA KEGIATAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG MEMBERI FAEDAH BUKAN SAHAJA KEPADA ORANG MELAYU MALAH TURUT MENGUNTUNGGAN KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI.

KATANYA, SETELAH ADANYA DEBLAH MAKA LAHIR LEBIH RAMAI ANAK-ANAK KAMPUNG MENJADI AHLI-AHLI PROFESIONAL DAN BEBERAPA KERAT JUTAWAN MELAYU.

PERDANA MENTERI MENANYAKAN SAMA ADA MENJADI KESALAHAN BAGI BUMIPUTERA MENJADI JUTAWAN WALHAL SEBELUM INI TELAH RAMAI WUJUD JUTAWAN BUKAN MELAYU YANG MEMAKAI SINGLET SAHAJA.

MENURUTNYA, BAGI SETIAP JUTAWAN BUMIPUTERA, MUNGKIN TERDAPAT SEKURANG-KURANGNYA 10 ORANG JUTAWAN BUKAN BUMIPUTERA.

KATANYA, TIDAK MENJADI SALAH SESEORANG ITU MENJADI JUTAWAN KERANA DI BAWAH SISTEM EKONOMI BEBAS SESIAPA SAHAJA YANG MEMPUNYAI KEPINTARAN DAN INISIATIF BOLEH MENJADI KAYA RAYA. -- LAGI

1126MST 18 09 86

U B293 AAB

MAHATHIR - DEB 8 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN JIKA MALAYSIA INGIN MAJU, SEMUA KAUM MESTI MENDAPAT TEMPAT DAN UMNO AKAN BERUSAHA DENGAN RAKAN-RAKANNYA DALAM BN UNTUK MENENTUKAN SEMUA MENDAPAT TEMPAT YANG SEPATUTNYA.

KATANYA, UMNO DAN ORANG MELAYU SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN SEMUA KAUM WALAUPUN ORANG-ORANG CINA DI BANDAR-BANDAR TELAH MEMBUKTIKAN CHAUVINISME MEREKA DAN MENOLAK TANGAN PERSAHABATAN UMNO DAN ORANG MELAYU PADA PILIHAN RAYA BARU-BARU INI. -- BERNAMA

1127MST 18 09 86